

KL antara bandar paling popular di Airbnb 2022

(19 APRIL 2022, BERITA HARIAN, ...)

Kuala Lumpur muncul satu daripada bandar Asia Tenggara paling banyak dilawati di Airbnb tahun lalu bersama empat lagi bandar di Thailand iaitu Bangkok, Pattaya, Chiang Mai dan Phuket.

PG29

Data baharu daripada Airbnb menunjukkan kebangkitan dan evolusi industri pelancongan di Asia Tenggara membuka peluang baharu kepada komuniti di seluruh rantau ini.

Menurut data itu, jumlah malam yang ditempah di seluruh Asia Tenggara di Airbnb meningkat dua kali ganda pada 2022 berbanding 2020.

Ini petanda memberangsangkan terhadap pemulihan berterusan Asia Tenggara, seiring kebangkitan sektor pelancongan ke tahap prapandemik pada 2019.

Amerika Syarikat (AS) pula tersenarai sebagai negara asal paling ramai bagi tetamu antarabangsa Airbnb yang melawat Asia Tenggara pada 2022, diikuti Australia, United Kingdom (UK), Jerman dan Korea Selatan.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Strategi Airbnb, Nathan Blecharczyk, berkata platform itu sangat teruja dengan kebangkitan semula pelancongan di seluruh Asia Tenggara, yang sentiasa popular dalam kalangan pengembara seluruh dunia kerana iklim, masakan, pemandangan, dan kekayaan warisan budaya.